

## 13

### *Membina Literasi Budaya dan Bahasa Berasaskan Teori Skema Budaya*

**Muhammad Jailani Abu Talib**

[muhammad\\_jailani\\_abu\\_talib@moe.edu.sg](mailto:muhammad_jailani_abu_talib@moe.edu.sg)

**Siti Aisah Maduri**

[siti\\_aisah\\_masuri@moe.edu.sg](mailto:siti_aisah_masuri@moe.edu.sg)  
Sekolah Menengah Bukit View

#### *Abstrak*

Nilai literasi budaya dan bahasa merupakan dua aspek yang saling berkait. Namun melalui penelitian yang dijalankan, didapati bahawa pelajar kadangkala cenderung mempunyai kesedaran budaya yang rendah, lantas menjadikan keupayaan berbahasa. Bagi meningkatkan kesedaran budaya, Teori Skema Budaya yang diketengahkan Nishida (1999) dipraktikkan bagi tujuan kajian ini. Teori ini merangkumi lapan skema interaksi sosial. Menerusi penghasilan sebuah model, kertas kerja ini menggambarkan strategi khusus yang diambil pihak sekolah. Kertas kajian ini antara lainnya melakarkan strategi pembangunan pengisian pembelajaran bagi mendukung visi Arif Budiman. Kajian yang dijalankan mengambil pendekatan kualitatif serta mengemukakan kaedah pengaplikasian teori tersebut dalam struktur perancangan kurikulum di sekolah.

Kata Kunci: literasi, budaya, teori skema budaya Nishida



## PENGENALAN

Persekutaran digital yang semakin menyerlah menghadirkan cabaran baru bagi masyarakat setempat. Bidang pendidikan turut berhadapan dengan cabaran yang semakin sengit. Khususnya bagi pembelajaran bahasa Melayu di Singapura, nilai keupayaan berbahasa Melayu yang terbatas dalam diri para pelajar menjadi masalah yang semakin meruncing. Hal ini menjadikan keupayaan tersebut dan para pelajar tidak mempunyai pendedahan yang menyeluruh terhadap hal ehwal semasa. Sekalipun mendapat pendedahan daripada media massa, terdapat kecenderungan untuk membuat rujukan mental terhadap perkara-perkara tersebut dalam bahasa Inggeris. Lantaran itu, pelajar tidak mempunyai penguasaan ilmu yang mencukupi untuk dihujahkan dalam bahasa ibunda.

Demikian halnya, *cultural schema theory* ataupun teori skema budaya (Nishida, 1999) menyediakan pelantar bagi para pelajar untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu mereka. Jelasnya, masalah para pelajar hari ini, khususnya bagi para pelajar sekolah menengah penguasaan bahasa Melayu itu sendiri dan bukannya kerana ketidakupayaan untuk membaca. Secara asasnya, teori skema mengemukakan bahawa sebarang teks yang dibaca sebenarnya tidak membawa sebarang makna secara tersendiri. Sebaliknya, teks-teks yang dibaca sekadar memberikan petunjuk bagi pembaca untuk merungkaikan makna berdasarkan pengalaman mereka sendiri. Hal tersebut digelarkan sebagai schemata ataupun skemata (Barrett, 1932; Adams and Collins, 1979; Rumelhart, 1980).

## PERNYATAAN MASALAH

Kajian ini telah diusahakan atas keprihatinan bahawa kaedah peningkatan nilai literasi budaya dan bahasa Melayu pada peringkat sekolah menengah kurang diambil perhatian. Walaupun ada program yang dijalankan tidak diselenggarakan mengikut perancangan efektif dan terancang. Nescaya, hal tersebut akhirnya menjadikan keupayaan penulisan dan pertuturan para pelajar.



## TUJUAN KAJIAN

Bertolak daripada kesedaran tersebut, sejak 2012 perancangan yang terperinci dilakarkan bagi meningkatkan nilai literasi budaya dan bahasa para pelajar. Tujuan kajian ini dijalankan ialah:

1. meneliti keberkesanan penerapan teori skema budaya dalam meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu para pelajar, dan
2. Meneliti keberkesanan skema budaya dalam meningkatkan literasi budaya para pelajar.

Biarpun masih terus dijalankan, penerapan teori skema budaya menyediakan kerangka yang jelas bagi membantu para pelajar dalam penguasaan bahasa Melayu. Dalam erti kata lain, rangka yang telah dibangunkan Jabatan Bahasa Melayu SMBV merupakan sebuah mekanisme bagi membantu para guru dalam merancang aktiviti dan pembelajaran bahasa Melayu di peringkat sekolah.

## KAJIAN LEPAS

Teori Skema Budaya ataupun *Culture Scheme Theory* telah diasaskan Nishida (1999) bagi merungkaikan ilmu sedia ada yang digunakan seseorang apabila berhadapan dengan situasi tertentu dalam budayanya. Skema budaya bagi interaksi sosial terbentuk. Dalam hal ini, skema budaya merujuk pada struktur kognitif yang terbentuk berdasarkan interaksi langsung mahupun tidak langsung, yakni ilmu yang diraih berdasarkan himpunan ilmu mahupun pengalaman sesebuah masyarakat. Demikian halnya, teori skema budaya yang diketengahkan Nishida merumuskan bahawa apabila seseorang ahli masyarakat berinteraksi dengan anggota-anggota masyarakat budaya yang serupa, skema budaya mula terbentuk serta terkandung dalam akal.

Apabila seseorang itu terus berhadapan dengan interaksi demi interaksi secara berulang, skema budaya yang terkandung dalam dirinya menjadi lebih teratur. Akibatnya, komunikasi menjadi lebih lancar. Apabila manusia menerima serta menyimpan maklumat-maklumat tertentu daripada budaya dan persekitarannya, skema yang terbentuk membantu individu tersebut



untuk menjangkakan apa yang diperlukannya dengan lebih berkesan.

Berhubung dengan literasi budaya dan bahasa seseorang, keupayaan literasi seorang pelajar memerlukannya untuk menghubungkan teks yang dibaca dengan ilmu kognitif pada dirinya. Sebagaimana yang diterangkan Anderson (1977), setiap pembacaan melibatkan ilmu sedia ada pada diri seseorang. Dalam erti kata lain, teks yang dibaca tidak membawa sebarang makna andai tidak mampu difahami secara tuntas oleh pembaca.

Secara asasnya, sebagai aplikasi, skema budaya haruslah dibuat secara berkumpulan dan terancang. Sementara pengalaman seorang individu dapat membentuk skema peribadi, skema budaya merupakan pengalaman kolektif serta mengupayakan individu untuk menceduk daripada pengalaman kolektif (Malcolm dan Sharafian, 2002).

Berdasarkan Teori Skema Budaya, terdapat 8 jenis skema PSI yang boleh diterapkan dalam pembelajaran dan pengajaran. Skema Fakta dan Konsep, seperti yang diterangkan oleh Nishida, menjurus kepada gabungan maklumat yang disampaikan secara langsung kepada pelajar. Skema ini sering kali diterapkan di dalam suasana pembelajaran yang terkawal seperti di dalam kelas. Guru menyampaikan maklumat manakala pelajar menerima maklumat tersebut bulat-bulat.

Skema Perwatakan pula membincangkan tentang pelbagai jenis manusia terutama sekali tentang ciri-ciri keperibadian seseorang itu. Berdasarkan idea yang mereka peroleh tentang sifat-sifat keperibadian tersebut, pelajar menggolongkan manusia mengikut pandangan peribadi mereka.

Melalui pergaulan dengan orang lain, Skema Diri mendorong pelajar untuk menilai sesuatu perkara itu dari sudut kaca mata pelajar. Kaca mata tersebut diolah berdasarkan layanan orang lain terhadap diri pelajar.

Tindak tanduk seseorang itu diolah melalui kedudukan yang dicapai. Ini mendorong seorang pelajar itu untuk mempunyai pengetahuan tentang tanggungjawab sosial. Lantas, Skema Tanggungjawab ini berperanan untuk mengolah suasana tersebut berdasarkan status seseorang itu. Secara tidak



sedar, pelajar merasakan mereka berperanan dalam sesebuah masyarakat. Apabila Skema Emosi berjaya disuntik dalam diri pelajar, pelajar terdorong untuk berbakti kepada masyarakat, selaras dengan visi Arif Budiman (Hadijah, 2007).

Skema Kontekstual memainkan peranan yang penting jika dibandingkan dengan 7 skema PSI yang lain. Ketujuh-tujuh skema yang lain hanya boleh wujud dengan adanya skema kontekstual yang memberikan pelantar kepada pelajar menimba ilmu pengetahuan berdasarkan keadaan yang sesuai. Demi menyediakan suasana pembelajaran pelajar yang efektif, persekitaran yang terancang mampu memberikan kesan yang mendalam terhadap diri pelajar jika aspek ini ditekankan terlebih dahulu.


Apabila Skema Kontekstual wujud dalam sistem pembelajaran itu, Skema Prosedur boleh wujud untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran. Jika pelajar melalui rentetan peristiwa dalam situasi yang sama, otak akan memproses situasi dan mendorong seseorang itu untuk cenderung terhadap perkara tersebut. Walau bagaimanapun, untuk memastikan skema ini dapat memberikan kesan yang maksimum, beberapa langkah terperinci harus diambil dan diterapkan. Langkah-langkah pula harus sesuai dengan keadaan yang dirancang.

Skema Strategi pula mendorong pelajar untuk terbiasa dengan kaedah pembelajaran berdasarkan permasalahan atau Problem Based Learning. Dengan itu, pelajar akan mengatur langkah yang sesuai untuk menyelesaikan sesuatu masalah berdasarkan pengetahuan sedia ada pelajar.

Emosi memainkan peranan yang penting dalam mengasah daya ingatan seseorang. Berdasarkan emosi, kesan dan penilaian yang disimpan dalam otak boleh bertahan untuk jangka masa yang panjang jika dibandingkan dengan memori yang tidak mencetuskan perasaan semasa sesi ingatan itu diolah. Walau bagaimanapun, skema ini hanya akan berlaku jika kesemua skema yang lain turut wujud dalam situasi yang sama. Disebabkan skema emosi ini wujud melalui pergaulan dalam kehidupan seseorang, pengkaji merasakan emosi memainkan peranan yang penting apabila manusia berinteraksi. Lantas, Skema Emosi ini yang baharu sahaja dikenal pasti sebagai Skema Primer Interaksi kelapan untuk melengkapkan lagi kaedah Teori Skema Budaya ini.



Rajah 1: Model Teori Skema Budaya bagi Pembelajaran Bahasa Melayu



Rajah 1 menjelaskan dengan lebih terperinci akan pendekatan yang diambil. Bertolak daripada PSI yang menjelaskan aspek teori, SMBV mengambil pendekatan yang terancang, yakni dengan menerapkan nilai-nilai yang diingini melalui tujuh lapisan utama, yakni melalui:

1. fakta dan konsep;
2. peningkatan penyedaran akan diri dan keperibadian rakan-rakan,;
3. penyedaran akan tanggungjawab;
4. strategi bagi mengatasi permasalahan-permasalahan yang mengelilingi mereka;
5. prosedur yang dapat diambil;
6. kesedaran akan perwatakan diri mereka; dan
7. kesedaran akan emosi diri dan rakan-rakan sekeliling mereka.



## **KAEDAH KAJIAN**

Dalam rangka kajian yang ditetapkan, teori skema budaya Nishida menjadi asas bagi menghuraikan strategi meningkatkan literasi budaya dan bahasa dalam kalangan para pelajar sekolah menengah. Selanjutnya, teori tersebut turut disesuaikan dengan persekitaran dan tahap kematangan para pelajar sekolah menengah di Singapura yang rata-ratanya berusia antara 13-16 tahun.

Sesuai pula dengan landasan yang digariskan Nishida (1999), kajian ini akan menjelaskan strategi yang diaplikasikan berdasarkan lapan Skema PSI, iaitu (1) Skema Fakta dan Konsep, (2) Skema Perwatakan, (3) Skema Diri, (4) Skema Tanggungjawab, (5) Skema Kontekstual, (6) Skema Prosedur, (7) Skema Strategi, dan (8) Skema Emosi.

Berdasarkan teori skema budaya yang telah dijelaskan sebelum ini, disusun semula selari dengan tuntutan rangka kerja keupayaan dan kesan para pelajar bagi abad ke-21 yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Singapura. Jelasnya, selain menggariskan strategi bagi meningkatkan taraf literasi budaya dan bahasa dalam kalangan pelajar, strategi ataupun langkah yang diambil turut berharapan untuk melahirkan para pelajar yang mempunyai kemahiran yang mencukupi untuk berhadapan dengan landskap dunia yang semakin mencabar.

### Antara pembelajaran berpandukan skema dan pembelajaran berpandukan data

Sebagaimana yang telah dijelaskan pada bahagian awal kertas kerja, premis utama bagi teori skema budaya ialah skema-skema tertentu mula terbentuk dalam diri pelajar melalui pendedahan terhadap aktiviti ataupun persekitaran yang mirip. Apabila sebuah skema mula terbentuk, maklumat tersebut akan dicerna dengan lebih jelas dan terarah. Hal ini dapat dikenal pasti sebagai sebuah proses pembelajaran yang berpandukan skema. Perkara tersebut bertentangan dengan pembelajaran yang berpandukan data ataupun maklumat semata, yakni proses pembelajaran berpandukan data yang diusulkan oleh Brewer, (1988), Fiske & Neuberg, (1990), Fiske dan Taylor, (1984);Forgas, (1985).

Demikian halnya, Forgas, (1985) mendapat bahawa apabila seseorang



individu lebih celik terhadap budaya di samping melibatkan dirinya secara aktif dan sukarela, proses pembelajaran berpandukan skema menjadi lebih ketara. Sebaliknya, pembelajaran hanya berlaku berpandukan maklumat semata. Menjelaskan hal tersebut, Nishida (1999) mengutarakan bahawa pembelajaran berpandukan maklumat amat tergantung kepada individu itu sendiri dan tidak mampu untuk mencapai khalayak yang ramai. Sebaliknya, dalam pembelajaran berlandaskan skema lazimnya, pembelajaran berlaku secara bawah sedar. Mencerna pendapat tersebut, Fiske dan Neuberg (1990) menegaskan bahawa ilmu yang meninggalkan kesan yang mendalam terhadap diri seorang pelajar lazimnya bersandarkan skema. Semakin hubungan pelajar dan budaya persekitaran mereka menjadi lebih intim, pola pemikiran pelajar menjadi lebih matang dan berkeperibadian.

#### Aplikasi Teori Skema Budaya sebagai Strategi Peningkatan Nilai Literasi

Teori Skema Budaya diaplikasi pada peringkat perancangan kurikulum para pelajar. Namun demikian, teori tersebut turut diaplikasikan secara berperingkat pada ruang waktu pembelajaran sepanjang tahun. Langkah ini diambil bersesuaian dengan objektif yang dicapai, yakni agar literasi budaya dan bahasa pelajar meningkat. Selain itu, objektif tersebut turut diolah agar bersesuaian dengan tahap kesediaan pelajar dan berdasarkan latar belakang pelajar yang kurang dide dahkan kepada bahasa dan budaya Melayu akibat penggunaan bahasa Inggeris yang lebih ketara di rumah.

Demikian halnya, bagi tujuan kertas kerja yang dibincangkan, pengkaji mengetengahkan tiga situasi utama yang menjelaskan penggunaan Teori Skema Budaya dalam pembelajaran di sekolah.

#### Situasi 1

Seawal mungkin dalam perancangan pengajaran dan pembelajaran, Teori Skema Budaya diterapkan dengan membuat pendedahan pada fakta serta konsep yang jelas akan perkara-perkara yang melingungi diri mahupun budaya yang mengelilingi diri pelajar. Pada peringkat tersebut, penekanan dibuat terhadap kesedaran akan fakta-fakta yang bersesuaian dengan perkara yang dipelajari. Misalnya, pada peringkat tersebut, khususnya bagi



pembelajaran yang berlangsung sekitar waktu menjelangnya Hari Raya Aidilfitri, pembelajaran bermula dengan mengajarkan kepada para pelajar akan budaya ekstrinsik mahupun instriksik, yang melingkungi sambutan Hari Raya Aidilfitri tersebut.

Dalam mengajarkan tentang sambutan Hari Raya Aidilfitri, penekanan turut dibuat terhadap nilai-nilai yang tidak berkait dengan sambutan tersebut secara langsung, seperti adat bermaaf-maafan, adat dan adab berjiran sewaktu sambutan berlangsung, serta sambutan yang sama di daerah-daerah mahupun negara-negara lain. Ini langsung bertentangan dengan kelaziman mahupun kecenderungan segelintir guru untuk mengajarkan simbol-simbol yang berkait dengan budaya Melayu secara langsung seperti makanan dan sebagainya tanpa usaha susulan. Sebaliknya, usaha yang dilakukan bertujuan untuk menganjukkan kesedaran pelajar di samping merangsang keinginan pembelajaran para pelajar.

Secara terancang, hal tersebut sekali gus menzahirkan pendapat Singh et. al. (2008) yang menggagaskan bahawa penggunaan simbol-simbol dalam pembelajaran tidak membawa sebarang manfaat nyata melainkan digunakan sebagai perangsang dalam rangka yang lebih besar. Menurut Singh, (2008),

*"its function is to arouse curiosity and interest curiosity and interest about the extension, application and development of the topic in hand. It must be used in full context to some point in the lesson and not for the sake of entertainment."*

Selaras dengan Teori Skema Budaya yang dikemukakan, menggunakan daya kognitif ataupun pengetahuan sedia ada para pelajar, pendekatan pembelajaran adalah untuk menambah pengetahuan pelajar di samping memperkayakan ilmu yang sedia ada. Berikutnya hal itu, pembelajaran yang sama seterusnya dilanjutkan dengan para pelajar tersebut memikirkan permasalahan yang melingkungi sambutan hari raya serta kaedah-kaedah ataupun prosedur yang boleh diambil bagi mengatasi permasalahan tersebut. Susulan daripada perkara tersebut, daya capai dan keberkesanannya pembelajaran pelajar menjadi lebih matang.



Jelasnya, pelajar akan terbiasa dengan keadaan dan dapat mengaitkan pengalaman peribadi mereka dengan persekitaran mahupun pelantar yang disediakan oleh guru. Berbalik pada wacana, murid-murid seterusnya bertindak selaku duta budaya serta mendidik rakan-rakan serta guru-guru akan sambutan perayaan yang dibincangkan. Sebagai klimaks, murid-murid antara lainnya mengajarkan rakan sebaya serta guru-guru akan perkara-perkara yang melingungi sambutan Hari Raya Aidilfitri itu sendiri. Antaranya, murid-murid telah mengajarkan rakan-rakan mereka tentang cara-cara membuat ketupat di kelas.

Jelasnya, menerusi peluang yang disediakan, pelajar diberikan ruang untuk membuaikan emosi bersangkutan isi pembelajaran. Nescaya hal tersebut sekali gus memberikan kesan jangka panjang terhadap pembelajaran menurut kata Shaver et. al., (1987)

### Situasi 2

Demikian halnya, pembelajaran mengikut Teori Skema Budaya dapat diluaskan dengan pendedahan pelajar kepada unsur-unsur sastera. Jelasnya, apabila skema-skema budaya yang jelas telah terbentuk, sastera membina ruang estetik dalam diri pelajar di samping mematangkan nilai literasi budaya dan bahasa dalam kalangan pelajar.

Berdasarkan pengalaman pengajaran bahasa Melayu, ruang estetik berbahasa dalam diri para pelajar antara lainnya telah dijana menerusi lawatan pembelajaran ke Danau Jurong. Secara khususnya, para pelajar didorong untuk menghasilkan karya bagi menggambarkan hubungan kaitan antara manusia dengan alam semula jadi bagi membentuk skema diri dalam diri pelajar. Jelasnya, hal tersebut adalah penting bagi mengukuhkan pembelajaran bahasa Melayu pada peringkat-peringkat seterusnya. Nescaya, menerusi skema diri yang lebih utuh, konsep-konsep yang terkandung dalam peribahasa-peribahasa Melayu menjadi lebih jelas dan mudah difahami oleh para pelajar.

Berdasarkan skema konsep dan fakta, pelajar diperkenalkan terlebih dahulu akan konsep estetik bahasa. Secara khususnya, pendedahan telah



dibuat terhadap karya-karya puisi lirik yang dianggap menepati struktur estetik yang tinggi. Berhubung dengan wacana, memandangkan objektif utama yang ditetapkan adalah untuk mematangkan nilai literasi budaya dan bahasa pelajar, penekanan dibuat terhadap aspek estetik bahasa dari sudut linguistik dan bukannya terhadap bentuk puisi mengikut teori formalistik.

Jelasnya, aktiviti yang dianjurkan di Danau Jurong bertindak sebagai kemuncak aspek pembelajaran yang dilaksanakan. Khususnya dari aspek linguistik, pendedahan tersebut menyediakan pelantar bagi pelajar untuk mengaitkan istilah yang pernah dipelajari pelajar pada peringkat awal sebelum menguntaikannya dalam bentuk yang berestetik tinggi.

Tuntutan soalan yang diberikan kepada para pelajar untuk mencari hubung kait antara manusia dengan alam bagi membentuk skema strategi yang diperlukan pelajar. Dalam hal ini, pelajar harus bijak dalam menguntumkan puisi yang bukan sahaja mencerminkan kekayaan flora mahupun fauna di lokasi, namun turut menonjolkan hubungan manusia dengan alam. Biarpun ruang waktu yang ditetapkan telah dibuat dengan kesedaran bahawa para pengguna rata-rata kurang aktif di danau tersebut, skema strategi memerlukan para pelajar untuk membina keupayaan untuk mengatasi permasalahan yang disengajakan itu. Jelasnya, hal tersebut menjelaskan situasi tersebut sebagai persekitaran yang memerlukan pelajar untuk mencari penyelesaian bagi permasalahan mengikut konteks yang diberikan. Menurut Turner, (1994):

*“Rather than redundantly storing strategy schemas about these constraints with each context schema they affect, the information is instead recorded with strategies useful for coping with them.”*

Melalui batasan ataupun kekangan yang dirancang itu, skema emosi para pelajar turut terbentuk, sekali gus menambah nilai keberkesanannya dalam kalangan para pelajar. Jelasnya, emosi yang terasa itu menjadi pemangkin daya ingatan pelajar.



### Situasi 3

Mengikut garisan Teori Skema Budaya, para pelajar turut disediakan dengan pelantaran untuk merancang dan menyelenggarakan program pembelajaran mengikut keupayaan kelas sasaran. Demikian halnya, antara aktiviti yang telah diselenggarakan termasuklah aktiviti rancangan pembelajaran bagi para pelajar setiap lapisan bangsa pada peringkat menengah dua. Bagi aktiviti yang dijalankan itu, para pelajar telah dipertanggungjawabkan satu kelas sasaran untuk merancang lawatan sambil belajar ke kawasan Taman Warisan Melayu dan Masjid Sultan. Sebagaimana halnya bagi situasi sebelumnya, kekangan telah disengajakan secara terancang, yakni menerusi gesaan agar aktiviti tersebut dijalankan pada bulan Ramadhan.

Bertindak sebagai duta budaya, para pelajar tersebut antara lainnya bertanggungjawab untuk membangunkan pakej pembelajaran di samping bertindak selaku pemandu bagi rakan mereka yang lain. Antara lainnya, para pelajar turut digesa untuk membuat kajian terperinci akan sejarah asal-usul pembangunan Masjid Sultan dan Taman Warisan Melayu. Sebagai panduan bagi para pelajar, sesuai dengan skema fakta dan konsep, guru sekadar menyorotkan lelaman-lelaman yang sesuai bagi mempelajari sejarah kedua-dua tempat tersebut.

Merancang program secara teratur, skema prosedur sekali gus dimangkinkan dalam diri pelajar. Jelasnya, pemikiran yang teratur dan tersusun penting bagi membangunkan perspektif yang matang dalam diri para pelajar. Selain mengimbuhkan rasa kepimpinan dalam diri pelajar, perkara tersebut turut bertindak sebagai pengalaman yang dapat menambahkan dimensi baharu sesuai dengan corak pemikiran para pelajar.

### Instrumen Kajian

Bagi tujuan kertas kerja yang diusahakan, dapatan data dikumpul secara kualitatif, yakni menerusi penggunaan kaedah kajian kepustakaan serta berdasarkan pengalaman pengaplikasian teori tersebut dalam perancangan kurikulum serta pengajaran bahasa Melayu. Guru juga menjalankan kaedah pemerhatian semasa pelaksanaan teori skema budaya yang disarankan.



## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Kesan Teori Skema Budaya terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu

Dapatkan kajian menunjukkan para pelajar didapati lebih bersungguh-sungguh dalam menghadiri kelas bahasa Melayu di samping mempunyai motivasi dalaman untuk mencapai tahap keupayaan berbahasa yang baik.

Jelasnya, rentetan peristiwa serta penglibatan langsung pelajar dalam pembelajaran bahasa Melayu memastikan ilmu yang diraih mampu meninggalkan kesan yang mendalam dalam diri pelajar.

Kemampuan penguasaan pelajar pelajar turut dapat dilihat dalam karya-karya karangan yang dihasilkan. Paling jelas sekali, pelajar berupaya untuk menyusun data yang dituntut secara lebih teratur dan jelas. Menerusi peluang mahupun cabaran yang disediakan, para pelajar diminta untuk mencapai tahap kematangan yang sesuai untuk memastikan kejayaan mereka sendiri.

Menyumbang pula kepada masyarakat di sekeliling mereka, sama ada secara langsung mahupun tidak secara langsung, keperibadian para pelajar turut dilentur mengikut gagasan Arif Budiman (Hadijah, 2007).

Dalam merealisasikan nilai-nilai yang terpateri dalam visi Arif Budiman, guru dan murid harus disedarkan bahawa nilai ideal yang dibawa bersamanya tidak pernah asing daripada kehidupan seharian mereka. Cuma perihal tersebut harus diserapkan kepada empunya diri lewat strategi-strategi yang halus dan tersirat. Hal ini senada dengan apa yang digagaskan oleh Dewey (1897:77-80) .

*“... that the true centre of correlation of the school subjects is not science, nor literature, nor history, nor geography, but the child’s own social activities.. education cannot be unified in the study of science, or so-called nature study, because apart from human activity, nature itself is not a unity”*



Menerusi aktiviti yang terancang, skema budaya pelajar dapat dibina bagi mengupayakan pola pemikiran yang lebih jelas, tersusun dan terarah. Melalui kanta visi Arif Budiman pula, seseorang yang dianggap Arif Budiman, iaitu mempunyai ilmu pengetahuan, contohnya dari segi bahasa dan budaya dan kebijaksanaan/kearifan dari segi luaran dan dalaman yang merangkumi sikap, kemahiran, ilmu, kecerdasan dan kelakonan/keterampilan diri. Ia adalah contoh baik lagi terpuji bagi insan berilmu dan berperadaban tinggi yang tulen. (Hadijah Rahmat, 2007:12)".

Perancangan pembelajaran para pelajar mengikut sistem yang diketengahkan Teori Skema Budaya lantaran itu menjadi wahana yang jelas bagi membantu untuk merealisasikan gagasan tersebut. Lewat persekitaran teraruh, para pelajar dicanai untuk berfikir secara mandiri, khususnya dalam bahasa Melayu telah dapat menambah nilai terhadap sikap mereka terhadap pembelajaran bahasa Melayu.

## PENUTUP

Hasil daripada penerapan Teori Skema Budaya terhadap pembelajaran dan perancangan kurikulum pada tahun 2012, para pelajar bahasa Melayu di sekolah didapati mempunyai motivasi yang lebih jelas terhadap pembelajaran bahasa Melayu.

Jelasnya, menerusi persekitaran mahupun pengalaman yang teraruh, para pelajar dibentuk untuk mempunyai perspektif positif terhadap pembelajaran dalam bahasa Melayu. Namun demikian, lebih penting lagi, literasi budaya dan bahasa para pelajar menjadi lebih matang hasil daripada latihan untuk berfikir berteraskan skema.

Walau bagaimanapun, jelasnya, usaha yang dijalankan pengkaji merupakan usaha yang berterusan dan pastinya memakan waktu yang lebih ketara dalam membawa kesan yang empiris. Meskipun begitu, hasil awal mencerahkan susur yang wajar diambil dalam meneroka kaedah-kaedah alternatif bagi mendidik para pelajar.



## RUJUKAN

- Adams M.J. and Collins A.M. (1979). A schema-theoretic view of reading in Fredolle, R.O. (ed.) *Discourse Processing: Multidisciplinary Perspectives*.
- Anderson R.C. et al. (1977). Frameworks for comprehending discourse. *American Educational Research Journal* 14(4): 367-381.
- Anderson R. C. (1978). Schema-directed processes in language comprehension in Lesgold, A. et al (eds) *Cognitive psychology and instruction*. New York: Plenum.
- Barlett F.C. (1932). *Remembering: A Study in Experimental and Social Psychology*. London: New Psychological Linguistics.
- Brewer M. B. (1988). A dual process model of impression formation. Dlm. T. K. Srull & R. S. Wyer Jr. (Ed.), *Advances in social cognition* (Vol. 1, pp. 136). Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Dewey J. (1897). My Pedagogic Creed. Dlm. *The School Journal*. vol. 54, Januari 1897, (hal. 77-80).
- Forgas J. P. (1985). Person prototypes and cultural salience: the role of cognitive and cultural factors in impression formation. Dlm. *British Journal of Social Psychology*. Vol. 24. (hal. 3-17).
- Hadijah Rahmat (2007, 25 Ogos). *Membina Minda Dan Budaya Melayu Baru Melalui Perekasyaan Pendidikan Bangsa*. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Dunia Melayu Dunia Islam di Majlis Pusat dan Jamiyah, Singapura.
- Malcolm I. G. & Shafian F. (2002). Aspects of Aboriginal English oral discourse: an application of cultural schema theory. *Discourse Studies*, 4, 169-181.
- Nishida H. (1999). A cognitive approach to intercultural communication based on schema theory. Dlm. *Int. J. Intercultural Rel.* Vol. 23, No. 5, (ms. 753-777)
- Nishida H. (1999). Cultural Schema Theory : In W.B. Gudykunst (Ed.), *Theorising About Intercultural Communication*. 401-418. Thosand Oaks, CA: Sage Publications, Inc.
- Rumelhart D. E. (1980). Schemata: The building blocks of cognition. In R. J. Spiro, B. C. Bruce & W. F. Brewer (Eds.), *Theoretical issues in reading comprehension* 33-58. Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum.
- Shaver Schwartz, Kirson & O'Conor. (1987). Dlm. Emotion knowledge: further exploration of a prototype approach. *Journal of Personality and Social Psychology*, vol. 52, 1061-1086.
- Turner R. M. (1994). *Adaptive reasoning for real-world problems: a schema-based approach*. Hillsdale, NJ : Lawrence Erlbaum Associates.

